

SOALAN NO. 38

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN

MESYUARAT KETIGA, DEWAN RAKYAT

PENGGAL KEEMPAT, PARLIMEN KETIGA BELAS

MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATUK WILLIAM @ NYALLAU ANAK BADAK
[LUBOK ANTU]**

TARIKH : 15 NOVEMBER 2016 (SELASA)

SOALAN :

DATUK WILLIAM @ NYALLAU ANAK BADAK [LUBOK ANTU] minta
MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT
menyatakan sejauh manakah kempen anti mengemis yang dijalankan oleh
Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) mampu untuk mengurangkan jumlah
pengemis dikawasan tumpuan seperti pasar malam, pusat beli belah serta
stesen minyak.

**JAWAPAN: YB DATO' SRI ROHANI ABDUL KARIM, MENTERI
PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN
MASYARAKAT**

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat memandang serius isu pengemisan yang berlaku di negara kita. Kementerian mengambil pendekatan menangani isu pengemisan secara holistik dengan penglibatan dan kerjasama pelbagai agensi (*multi-sectoral*).

Antara usaha berterusan yang diambil adalah:

- 1) Mengadakan operasi menyelamat melalui 3 cara iaitu operasi bersepadu, operasi berkala/ berjadual dan operasi *ad hoc*. Berdasarkan operasi yang dijalankan, jika didapati pengemis yang diselamatkan adalah warga asing, mereka akan diserahkan kepada Jabatan Imigresen Malaysia untuk diambil tindakan mengikut undang-undang dan peraturan di bawah Jabatan Imigresen. Manakala pengemis warganegara yang berumur di bawah 60 tahun akan ditempatkan di Desa Bina Diri (DBD), dan pengemis yang berumur 60 tahun dan ke atas pula diberikan penjagaan dan perlindungan di

Rumah Seri Kenangan (RSK). Langkah ini adalah bagi memastikan kebajikan, kesejahteraan dan kelangsungan hidup mereka terjamin.

Dari Januari hingga Jun 2016, sebanyak **1,612** operasi telah diadakan di seluruh negara. Jumlah pengemis yang telah diselamatkan ialah **1,275** orang terdiri daripada **844** lelaki dan **431** perempuan.

- 2) Mengadakan Kempen Kesedaran dan Pencegahan Pengemisan melalui:
 - i) Program Kembara Kebajikan 1Malaysia - Sebanyak 13 Negeri telah mengadakan kempen dalam Program Kembara Kebajikan 1Malaysia iaitu Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, N.Sembilan, Perlis, Kelantan, Pahang, Perak, P. Pinang, Kedah, Johor, Terengganu, Sarawak, Wilayah Persekutuan Labuan dan Sabah.
 - ii) Media cetak - Melalui program ini, poster, sticker dan pamphlet dengan slogan **“Bijak Membantu, Elak Tertipu”** telah diedarkan kepada orang awam melalui Jabatan Kebajikan

Masyarakat Negeri dan Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah.

Kempen juga telah disebarluaskan melalui akhbar.

- iii) Media Elektronik – Kempen dijalankan secara berterusan dengan kerjasama Nasional FM dan Negeri FM. Sebanyak 8 kempen telah dilaksanakan melalui media elektronik.

Antara usaha jangka panjang yang dilaksanakan oleh KPWKM ialah :

- 1) Cadangan untuk membuat pindaan Akta Orang Papa 1977.
- 2) Menubuhkan *Task Force* Membanteras Pengemis dan Gelandangan iaitu Sekretariat Penyelarasani Bagi Menangani Isu Golongan Gelandangan yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha KPWKM. Objektif penubuhan Sekretariat ini ialah untuk menyelaraskan tindakan dan inisiatif sedia ada yang melibatkan pelbagai pihak iaitu agensi kerajaan dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) supaya mekanisme yang lebih bersepada dan menyeluruh dapat disusun dan dilaksanakan untuk menangani isu golongan ini.

Kempen Kesedaran dan Pencegahan Pengemisan yang dilaksanakan ini merupakan strategi jangka panjang untuk meningkatkan kesedaran kepada masyarakat dan komitmen masyarakat adalah diperlukan agar tidak memberi sedekah atau sumbangan kepada pengemis. Melalui Kempen Kesedaran dan Pencegahan Pengemisan ini, diharapkan usaha kerajaan untuk membanteras aktiviti pengemisan dapat dikurangkan dan seterusnya dapat mengawal aktiviti pengemisan daripada berleluasa.

Masyarakat seharusnya menyalurkan sedekah atau sumbangan kepada pihak yang sepatutnya seperti rumah kebajikan, pertubuhan sukarelawan kebajikan yang berdaftar, pertubuhan amal, rumah ibadat dan Yayasan Kebajikan Negara. Melalui Kempen Kesedaran dan Pencegahan Pengemisan ini, diharapkan usaha kerajaan untuk membanteras aktiviti pengemisan dapat dikurangkan.